# SOP AM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) PENEMPATAN BUKIT MALUT, LANGKAWI KEDAH

BERKUATKUASA 27 JULAI 2021

Dikemaskini pada 26 Julai 2021

## Aktiviti dibenarkan

- Pergerakan **keluar dan masuk perkhidmatan perlu** sahaja
- Mendapatkan **rawatan kesihatan dan kecemasan**

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan di dalam kawasan PKPD **tanpa kebenaran PDRM**
- Pergerakan keluar masuk ke kawasan PKPD **tanpa kebenaran PDRM**

## Aktiviti Tetap

- **Subseksyen 11(3) Akta 342**;
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM;
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberikuasa di bawah **Akta 342**.

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti keterangan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Kawasan Terlibat** | **Penempatan Bukit Malut, Langkawi** |
| **Tempoh Kuatkuasa** | **27 Julai 2021, jam 12.01 pagi sehingga 09 Ogos 2021, jam 11.59 malam** |
| **Kawalan Pergerakan** | • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM, RELA, TLDM dan APMM. **Semua laluan keluar masuk darat kawasan PKPD ditutup** dan dikawal kemasukan oleh PDRM manakala laluan air/laut akan diselaraskan oleh TLDM, APMM dan Pasukan Polis Marin.<br>• Pergerakan keluar/masuk dalam kawasan PKPD adalah **TIDAK DIBENARKAN**.<br>• Semua penduduk **TIDAK DIBENARKAN KELUAR** dari rumah / kediaman masing-masing.<br>• Pengecualian hanya diberikan kepada **seorang (1) wakil dari setiap rumah** untuk membeli barang keperluan di kedai runcit dalam kawasan PKPD**.**<br>• Kapasiti **satu (1) orang sahaja** bagi setiap kenderaan persendirian (semua jenis). Lebihan penumpang tertakluk kepada pertimbangan PDRM berdasarkan "*case to case basis*".<br>• Pergerakan keluar/masuk kawasan PKPD bagi kes kecemasan seperti mendapatkan rawatan kesihatan dan kematian, **DIBENARKAN** setelah mendapatkan kebenaran daripada PDRM dan KKM berdasarkan ***case to case basis*. Maksimum dua (2) orang sahaja termasuk pesakit** dibenarkan keluar untuk mendapatkan perkhidmatan jagaan kesihatan, perubatan dan vaksinasi.<br>• Mana-mana individu yang tinggal di dalam kawasan PKPD dan perlu bertugas di luar kawasan PKPD (*essential services* sahaja); perlu menjalani saringan kesihatan dalam tempoh 7 hari pertama PKPD di pusat saringan Covid-19 yang akan ditempatkan di pos kawalan masuk perkampungan Bukit Malut sebelum dibenarkan keluar bekerja.<br>• Pergerakan keluar masuk untuk perkhidmatan perlu di dalam kawasan PKPD dibenarkan dengan kebenaran PDRM dan KKM.<br>• Perkhidmatan penghantaran (contohnya *Food Panda, Grab Food,* dsb) adalah **TIDAK DIBENARKAN.** |
| **Saluran Makanan dan Barang Keperluan Asas** | • Pemberian bantuan bekalan makanan akan diselaraskan oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah. Sumbangan makanan dan barangan keperluan dari NGO, ADUN kawasan dan lain lain sumber akan diselaraskan oleh PKOB Daerah. |

# SOP AM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) PENEMPATAN BUKIT MALUT, LANGKAWI KEDAH

BERKUATKUASA 27 JULAI 2021

**Dikemaskini pada 26 Julai 2021**

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti keterangan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

## Aktiviti dibenarkan

- Pergerakan **keluar dan masuk perkhidmatan perlu** sahaja
- Mendapatkan **rawatan kesihatan dan kecemasan**

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan di dalam kawasan PKPD **tanpa kebenaran PDRM**
- Pergerakan keluar masuk ke kawasan PKPD **tanpa kebenaran PDRM**

## Aktiviti Tetap

- **Subseksyen 11(3) Akta 342**;
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM;
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberikuasa di bawah **Akta 342**.

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Aktiviti Dalam Kawasan PKPD** | • Aktiviti sosial, keagamaan di masjid/surau dan rumah ibadat selain Islam, rekreasi dan budaya adalah **TIDAK DIBENARKAN.**<br>• Saringan secara bersasar di dalam kawasan PKPD akan dilaksanakan oleh KKM.<br>• **MANA-MANA AKTIVITI YANG TIDAK DINYATAKAN DALAM SOP INI ADALAH TIDAK DIBENARKAN.** |
| **Senarai Perkhidmatan Perlu *(Essential Services)*** | • Perbankan dan Kewangan<br>• Air, Elektrik dan Tenaga<br>• Pelabuhan, Lapangan Terbang<br>• Pos dan Kurier<br>• Bahan Api dan Pelincir<br>• Kesihatan<br>• Keselamatan dan Pertahanan<br>• Penyediaan Makanan dan Barangan Keperluan Harian<br>• Veterinar & Keperluan Makanan Haiwan<br>• Penyiaran, Penerangan & Telekomunikasi *(Telco)*<br>• Pembersihan, Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembentungan<br>• E-Dagang<br>• Pembaikan Kenderaan serta Alat Ganti berkaitan<br>• Pembaikan Perkakasan / Peralatan serta Alat Ganti berkaitan<br>• Kerja-kerja pembinaan, penyelenggaraan, pembaikan & pendawaian bersifat kritikal<br>• Sektor Perikanan berlesen, Perladangan, Pertanian, Penternakan dan semua yang berkaitan dengan rantaian makanan.<br>• Perundangan dan Kehakiman (*terhad kepada operasi yang dibenarkan oleh Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan sahaja)*<br>• Apa-apa aktiviti yang menjadi rantaian kepada mana-mana perkhidmatan perlu.<br><br>*Majikan di bawah senarai perkhidmatan perlu disarankan untuk tidak melibatkan pekerja dari kawasan PKPD di dalam kelompok 60% pekerja di premis/pejabat dan dibenarkan untuk bekerja dari rumah sekiranya tiada keperluan mendesak sepanjang tempoh PKPD. |